



# PENIPUAN BIASA



Kebanyakan kita telah menemui kes-kes penipuan kewangan di dalam berita atau media sosial.

**Tetapi berapa banyakkah yang anda benar-benar tahu?**

## Berikut adalah panduan mini

mengenai taktik terkini, untuk membantu anda mempersiapkan diri dan melindungi diri anda.



### Penipuan **Macau**

#### Temui tanda-tandanya

- Anda menerima panggilan daripada seseorang yang mendakwa sebagai pegawai bank / polis / pihak berkuasa lain.
- Pemanggil mempunyai "bukti" bahawa anda melakukan jenayah misalnya, pengubahan wang haram, pengedaran dadah, langgar-dan-lari.
- Anda diminta untuk menyimpan rahsia siasatan, tidak memaklumkan kepada pihak bank atau orang lain termasuk ahli keluarga anda.
- Anda diarahkan untuk menyimpan wang anda dengan pihak berkuasa bagi



### Penipuan **TAC**

#### Temui tanda-tandanya

- Anda menerima panggilan daripada seseorang yang mendakwa SMS TAC mereka telah tersalah hantar kepada anda.
- Pemanggil mungkin terdengar sangat sopan atau memohon maaf, meminta anda memberikan kepada mereka kod yang diterima untuk menyelesaikan transaksi yang mendesak.
- Sebagai alasan, pemanggil mungkin mendakwa telah bertukar nombor mudah alih baru-baru ini, atau keluarga mereka tersilap menggunakan nombor yang salah.



### Penipuan **Phishing**

#### Temui tanda-tandanya

- Anda menerima SMS / e-mel yang mengaku datangnya dari pihak bank anda / pihak berkuasa lain.
- Mesej mengarahkan anda untuk klik pautan yang membuka laman sesawang palsu.
- Anda diminta untuk mengemas kini maklumat peribadi anda atau perincian log masuk perbankan / dalam talian.
- Ancaman untuk menutup atau menggantung akaun anda jika anda tidak bertindak balas seperti yang diarahkan.

tujuan siasatan ke atas transaksi haram, dengan jaminan bahawa semua dana akan dikembalikan apabila kes anda selesai.

- Terdapat ancaman untuk membekukan akaun anda, atau ditangkap dan dikenakan tindakan mahkamah jika anda tidak bekerjasama.

## INGAT

- Jika anda menerima panggilan sebegini, segera matikan telefon anda dan jangan pindahkan wang yang diminta.
- Jika anda diberitahu akaun bank anda dikaitkan dengan jenayah, segeralah pergi ke bank untuk membuat pengesahan.
- Berwaspadalah walaupun nombor telefon pemanggil muncul dengan betul, atau anda dijanjikan "resit" untuk transaksi anda.

- Pemanggil berjanji untuk membetulkan kesilapan selepas transaksi dilakukan.

### Nota:

TAC adalah Kod Pemberikuasaan Transaksi 6 digit yang diperlukan untuk mengesahkan dan menyelesaikan transaksi dalam talian anda.

## INGAT

- TAC sentiasa dihantar ke nombor telefon mobil yang didaftarkan dengan bank dan diikat ke akaun anda, jadi ia tidak boleh "tersalah hantar". Jangan sekali-kali berkongsi TAC anda dengan orang lain.

## INGAT

- Bank tidak akan meminta maklumat peribadi / perbankan atau pengesahan butiran melalui SMS, aplikasi pesanan, e-mel atau media sosial.
- Berwaspadalah semasa anda mengklik pautan yang diterima daripada SMS / e-mel yang tidak diminta.
- Sentiasa taip alamat sesawang perbankan dalam talian ([www.hongleongconnect.my](http://www.hongleongconnect.my)) ke pelayar anda untuk memasuki platform rasmi bank, dan hanya masukkan kata laluan / log mas Common Scams melihat Gambar Keselamatan yang anda pilih semasa pendaftaran.

# Tabiat Keselamatan yang Baik

## untuk Semua Orang

Jangan sekali-kali berkongsi maklumat log masuk perbankan dalam talian anda (iaitu nama pengguna & kata laluan) atau TAC dengan sesiapa sahaja,

walaupun pihak yang meminta maklumat tersebut mengaku dari bank, Bank Negara Malaysia atau pihak berkuasa lain.

Cipta kata laluan perbankan dalam talian yang kukuh yang menggunakan gabungan abjad, nombor dan simbol, dan tukarnya dengan lebih kerap.

Periksa makluman transaksi anda dengan segera, dan pantau baki akaun dan penyata secara berkala.

Jika anda mengesan transaksi yang tidak dibenarkan atau berlaku percanggahan, laporan dengan segera kepada bank anda.

Jika anda ingin mengetahui lebih banyak cara untuk DuitSmart dan mendapatkan kesihatan kewangan yang lebih baik, sila layari [www.hlb.com.my/duitsmart](http://www.hlb.com.my/duitsmart)

*Disclaimer: This content is for informational purposes and use only. It does not constitute and is not intended as financial or investment advice. You are encouraged to consult with competent accounting, financial or investment professionals based on your specific circumstances and needs before making any financial or investment decisions. We do not make any warranties as to accuracy or completeness of this information, do not endorse any third-party companies, products, or services described here, and take no liability for your use of this information. Figures and pictures, where used, are for illustration and explanation purposes only.*